

# AUDIT PLASTIK

# Apakah itu Audit Plastik?

- Pemeriksaan penggunaan plastik
- Sebagai permulaan, anda boleh melakukan dengan diri sendiri, rumah, bilik darjah, seluruh sekolah, pusat membeli-belah dan pelbagai tempat.
- Tempoh : 1 hari, 1 minggu, 1 bulan, .....

# Tujuan Audit Plastik

- Kesedaran tentang penggunaan plastik dari segi individu, sekolah, dan komuniti.
- Melalui Audit Plastik, kita dapat menjawab soalan-soalan seperti:
  - *Berapa banyak plastik yang telah kita guna dan buang?*
  - *Apakah kegunaan plastik yang kita buangkan? Adakah semua mempunyai kegunaan yang sama?*
  - *Adakah plastik yang kita buang itu sekali guna sahaja? Dll.*
- Mengalakkan pengurangan penggunaan plastik yang guna sekali sahaja/tidak boleh dikitar semula

# Cara untuk melaksanakan Audit Plastik

- Jika bermula dengan diri sendiri, cuba memerhatikan barang-barang yang anda guna setiap hari, mencatatkan barang plastik yang anda buang
- Cuba tengok dalam tong sampah di rumah, di sekolah, di pusat membeli-belah dan tempat lain-lain
  - *Apakah sisa plastik yang paling banyak di dalam tong sampah?*
  - *Adakah jenis sisa plastik di tempat yang berlainan itu sama?*
- Selalu memerhati dan mencatat penggunaan plastik anda
- Selepas tempoh audit, tengok balik catatan anda – apa dapatan dari catatan anda?
- Boleh membuat perbandingan penggunaan plastik harian
- Elemen penting: **Pemerhatian + Pencatatan**

PAUTAN VIDEO 1: WHY BUYING PLASTIC-FREE  
GROCERIES IS SO HARD

PAUTAN VIDEO 2: PLASTIC FREE AUDIT AT  
LATHALLAN

**Cuba lakukan audit plastik  
sekarang!**

- Adakah barang plastik itu boleh diguna semula atau guna sekali sahaja?
- Jika plastik tersebut sekali guna, apakah alternatif lain bagi barang tersebut? Adakah cara alternatif tersebut boleh diguna semula?
- Jika ada, bolehkah kita tukar ke barang yang boleh diguna semula?

# AUDIT PLASTIK DI SEKOLAH/KOMUNITI



# Tujuan Audit plastik di sekolah:

- Mendedahkan dan melibatkan pelajar-pelajar kepada pengurusan sisa plastik bagi isu-isu alam sekitar di Malaysia
- Memupuk dan melatih pelajar-pelajar supaya bertindak secara proaktif
- Memupuk pelajar-pelajar ke arah *Environmental Stewardship*
- Menyokong inisiatif MESTECC – *Roadmap to Zero Single-Use Plastic 2030*

# Cara untuk melaksanakan Audit Plastik di Sekolah

- Mewujudkan kumpulan/jawatankuasa untuk audit plastik
- Pilih satu tempat untuk memulakan audit plastik (spt: bilik darjah, perpustakaan, kantin, dll.)
- Tentukan objektif audit plastik anda dan tempoh audit
- Mencatat sisa-sisa plastik yang telah dibuang di dalam tong sampah selama tempoh audit
- Analisis mengikut objektif/soalan:
  - *Contoh objektif: Untuk mengetahui sisa plastik yang banyak dibuang dan cara untuk mengurangkan penggunaan*
  - *Contoh soalan: Apa jenis sampah yang paling banyak dibuang di kantin?*

# Cara untuk melaksanakan Audit Plastik di Sekolah (sambungan)

- Pembincangan tentang dapatan audit plastik
- Menghasilkan cadangan
  - *Untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna yang dikenalpasti*
  - *Untuk mengurus sisa plastik yang guna sekali dan tidak boleh dikitar semula*